

05/05/2002

Agenda bantu anak Melayu jayakan Wawasan 2020

Jamhariah Jaafar

KETIKA kebanyakan kolej swasta milik Bumiputera tumbuh bak cendawan, Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) mendapat tawaran menubuhkan institusi pengajian tinggi bertaraf universiti iaitu Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM).

Kolej itu menjadi lambang kejayaan bangsa Melayu di dalam industri pendidikan swasta negara dan sekali gus memberi peluang lebih ramai pelajar mengikuti pelbagai bidang kemahiran di kolej itu.

Kejayaan itu bagaimanapun tidak datang menggolek, sebaliknya ia hasil kerja keras beberapa 'kepala' diketuai Mohd Shukri Ab Yajid yang mahu membantu Malaysia mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang 2020.

Yang lebih penting bagi Shukri ialah agendanya untuk membantu anak bangsa sendiri supaya tidak terus dipandang remeh dan sekadar menjadi pengikut, di dalam arus globalisasi yang tidak lagi mampu untuk terus bersandar kepada mentaliti subsidi.

"KUTPM diwujudkan bukan untuk mengeluarkan graduan tradisional, seperti ijazah pengurusan atau perakaunan, seperti yang ditawarkan hampir semua IPTA dan IPTS lain. Kami di sini menyediakan kursus yang memang diperlukan oleh kehidupan harian terutama dalam kita menghadapi cabaran globalisasi dan k-ekonomi.

"Pada saya ini adalah satu-satunya cara untuk anak bangsa kita bersaing dengan kaum lain. Kita tidak lagi sekadar memegang ijazah yang menjadi tradisi pusat pengajian tinggi," katanya.

Memang benar selepas meneliti risalah yang diberi KUTPM menawarkan kursus yang begitu menarik. Antara lain Sekolah Teknologi Informasi dan Maklumat, yang tidak lagi membabitkan jurusan komunikasi tradisi seperti kewartawanan, pengiklanan, penyiaran atau perhubungan awam seperti yang disediakan Fakulti Komunikasi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Sebaliknya ia menyediakan pengkhususan seperti Multimedia, Reka cipta Grafik, Sarjana Muda Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian, Sistem Pengurusan Maklumat, Kepintaran Buatan (Artificial Intelligence), Teknologi Perisian dan Rangkaian Komputer.

Bagi Sekolah Sains Pemutusan dan Perniagaan Antarabangsa pula menyediakan pengkhususan dalam bidang E-Perdagangan, Kewangan dan Perbankan, Pemasaran, Pengurusan Antarabangsa, Pengurusan Sains dan Pengurusan Operasi. Sekolah Integrasi Sainsnya juga amat menarik dengan tawaran pengkhususan dalam bidang Bioperubatan, Bioinformatik dan Sarjana dalam Teknologi Perkhidmatan Makanan.

Shukri berkata, tawaran untuk mengadakan semua sekolah khusus ini dibuat selepas pasukannya mengkaji trend pasaran dan permintaan guna tenaga, di samping meneliti semua polisi kerajaan membabitkan rancangan masa depan.

"Antara lain saya mengikuti semua idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau adalah seorang yang mempunyai pandangan yang jauh, mendahului semua kepakaran yang dimiliki Malaysia hari ini.

"Kerana itu, saya berpendapat untuk memastikan hasrat beliau dapat direalisasikan, golongan akademik seperti kami perlu membantu dalam menyediakan tenaga pakar terutama di kalangan anak bangsa kita sendiri.

Sebagai contoh katanya, Sekolah Perniagaan Antarabangsa adalah penting terutama apabila pelaburan Malaysia dan keberanian rakyat negara ini sekarang bukan sekadar di peringkat tempatan, tetapi sudah menjalar ke dunia luar.

"Apa lagi dengan proses globalisasi, sekolah seperti ini amat penting

untuk meletakkan negara ini sama setaraf dengan pemain dunia lain. Mengapa saya tidak menawarkan kursus seperti sains fizik, sains nuklear, perakaunan atau pengiklanan... kerana itu sudah ada di kebanyakan universiti kita.

"Perlu diingat di sini, kita bukan bersaing dengan universiti tempatan tetapi institusi pengajian tinggi swasta seperti KUTPM adalah sebagai pelengkap. Kerana itu kita menyediakan program yang memang diperlukan oleh pasaran hari ini dan masa depan, dan agenda utama kami ialah pasti anak bangsa kita berada dalam bidang kepakaran itu," katanya.

Mengimbuai sejarah, KUTPM bermula hanya dengan sebuah kampus kecil iaitu PTPL di kawasan De Palma, Ampang, tujuh tahun lalu dengan hanya 167 pelajar. Tetapi masa berlalu begitu pantas dan hari ini IPTS ini bukan saja berjaya dinaikkan taraf kepada kolej universiti, bahkan mempunyai sembilan cawangan di seluruh negara termasuk Sarawak dan lebih 8,000 pelajar.

Bagaimanapun, pengasas yang berasal dari Kelantan ini begitu rendah diri dalam menganalisis kejayaan institusi yang 100 milik Melayu dan kolej pertama yang memperoleh akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

"Tak payah nak gembar-gemburkan kita Melayu. Walaupun kita Bumiputera, apa yang mesti diutamakan ialah kualiti. Sudah berakhir era di mana kita bersandar hanya kepada kulit kita yang sawo matang. Saya tidak fikir pemikiran politik hari ini dapat lagi menerima alasan itu. Kita kini memberi persaingan yang sama kepada mana-mana IPTS yang telah lama berjaya, baik milik Bumiputera mahupun bukan Melayu.

"Saya bangga untuk mengatakan bahawa kolej ini sekarang adalah sama setaraf dengan Sunway, Kolej Damansara Utama atau Universiti Monash dan kita adalah satu-satunya pengurusan Melayu yang bersaing dengan nama-nama besar ini.

Menurut analisis Kolej Swasta milik Bumiputera 2001, sejumlah 613 lesen telah dikeluarkan Kementerian Pendidikan, tetapi hanya 456 kolej berdaftar. Daripada jumlah itu, hanya 150 kolej memiliki pelajar antara 500 dan 1,000 orang, dan 32 kolej lagi memiliki pelajar lebih 1,000 orang.

Tujuh peratus daripada kolej besar yang berada dalam pasaran sekarang ialah 'kolej tauke' dan KUTPM adalah satu-satunya institusi milik Bumiputera yang berada dalam kategori ini apabila memiliki 8,000 pelajar sekarang dan berharap dapat mencapai angka 10,000 dalam tempoh dua tahun.

Dengan nisbah pelajar Bumiputera di KUTPM sekarang 60:40 dan menginsafi kelemahan mereka terutama dalam mencapai tahap tertinggi, Shukri memastikan pelajar Melayu mengikuti pengajian daripada peringkat sijil.

"Kerana itu kita mendesak kerajaan untuk memberikan kita taraf universiti... hanya dengan kedudukan itu kita boleh memberi sumbangan lebih besar untuk membantu Melayu mendapat pengajian lebih sempurna, di samping dapat mengurangkan lebih banyak pengaliran wang asing.

"Agenda saya untuk membantu anak Melayu berdasarkan fakta bahawa selalunya tidak lebih 10-15 peratus saja anak bangsa kita yang layak untuk ke IPTA, tetapi sekarang kita boleh membantu mengambil lebih ramai pelajar Melayu.

"Saya di sini adalah untuk menyediakan mereka platform, pelajar boleh melalui dulu peringkat sijil dan diploma, kemudian baru ke universiti... ini pernah dilakukan ITM 10 tahun lalu. Dan yang paling penting kami menyediakan bidang yang memang diperlukan pasaran.

"Anak-anak bangsa kita bukan lagi hanya mampu menjadi ustaz atau berpuas hati dengan kelulusan sastera. Anak Melayu yang ingin saya lahirkan ialah yang pakar dalam bidang multimedia atau perdagangan antarabangsa, dan tidak gentar untuk bersaing di pasaran antarabangsa," katanya.

Bagaimanapun, beliau menolak persepsi umum bahawa IPTS hanya

berkiblatkan keuntungan wang ringgit dan menegaskan sistem meritokrasi tetap menjadi pegangan KUTPM.

"Kerana itu bila LAN hendak membuat rating kita tidak membantah kerana tindakan itu amat baik untuk industri ini. Pengiktirafan LAN bermakna institusi ini adalah sama taraf dengan kualiti mana-mana IPTA atau IPTS terkemuka di negara ini," katanya.

(END)